

PERKEMBANGAN REKABENTUK SENIBINA ASTAKA
BAGI MAJLIS TILAWAH AL-QURAN DI MALAYSIA.

DISSERTASI - ARC 392

OLEH:

ROZSITA/ROZITA BT. MOHAMED

85542861

DIPLOMA SENIBENA (TAHUN 3)

KAJIAN SENIBENA, PERANCANGAN & UKUR

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM

SELANGOR.

DISEMBER 1989

PERKEMBANGAN REKABENTUK SENIBINA ASTAKA
BAGI MAJLIS TILAWAH AL-QURAN DI MALAYSIA.

Dissertasi ini telah dihantar kepada
Jabatan Senibina, Institut Teknologi
Mara, sebagai memenuhi syarat mata-
pelajaran ARC 392 - Dissertasi.

Disediakan oleh;

Nama : Rozsita/Rozita Hj. Mohamed
K.P.ITM : 85542861
Kursus : Diploma Senibina
Tahun/Semester : Empat/ Tujuh
Sessi : Jan - Jun 1990
Kajian : Kajian Senibina, Perancangan
dan Ukur, ITM, Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Melalui ruangan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Mustapha Mohd Salleh, selaku Penasihat, Cik Noorseah Amat, Penyelaras Dissertasi, dan arkitek Kumpulan Senireka Sdn. Bhd. di atas kerjasama bagi menjayakan penulisan ini.

Ucapan ini juga ditujukan kepada pegawai dan kakitangan Arkib Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Kerjaraya (JKR) serta individu yang telah memberi data-data yang berkaitan.

Kepada Allah dipohonkan restu dan doa agar semuanya mendapat keampunan dan rahmat Ilahi. KepadaNya juga dipohonkan taufik dan hidayah semoga ini akan diberkati Allah SWT.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN

BAHAGIAN	1.0	: PENGENALAN ASTAKA SECARA AM.	1
	1.1	: OBJEKTIF KAJIAN	4
	1.2	: SKOP KAJIAN	5
	1.3	: METHODOLOGI	7
BAHAGIAN	2.0	: SEJARAH PERKEMBANGAN MAJLIS. TILAWAH AL-QURAN DI MALAYSIA	8
BAHAGIAN	3.0	: PERKEMBANGAN REKABENTUK ASTAKA. MAJLIS TILAWAH AL-QURAN DARI TAHUN 1950 HINGGA 1989.	12
	3.1	: CIRI-CIRI REKABENTUK ASTAKA BER- DASARKAN PADA TEMA.	16
	3.2	: LAMBANG PADA REKABENTUK ASTAKA	33
	3.3	: PEMBAHAGIAN RUANG	40
	3.4	: PENGAMATAN ESTATIKA	45
BAHAGIAN	4.0	: FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SENI- BINA ASTAKA.	50
	4.1	: FAKTOR IKLIM	52
	4.2	: FAKTOR TAPAK BINA	55

BAHAGIAN 1.0 : PENGENALAN ASTAKA SECARA AM

Astaka merupakan satu senibina yang wujud semenjak zaman dahulu lagi, sekarang dikenali Julang atau Panca Persada. Julang merupakan kenderaan raja-raja zaman dahulu di mana empat orang pengawal istana Diraja mengusung raja berjalan untuk melawat rakyat.

Panca Persada pula adalah tempat persiraman Diraja bagi menjalankan istiadat seperti menabal sultan atau raja, perkahwinan bertindik dan lain-lain lagi.

Astaka adalah satu sistem yang terbuka dan dapat dilihat oleh orang ramai dan digunakan bagi melindungi daripada cuaca panas dan hujan.

Pembinaan astaka dilakukan di tengah padang supaya penonton dapat melihat dengan jelas setiap ruang direkabentuk. Di dalam binaan tersebut terdapat satu unit besar yang digunakan untuk membaca Quran, tiga unit lagi kelihatan kecil dan berbentuk simetri.